



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

RABU, 29 JUN 2022	
1.	Cadang ladang ayam dipindahkan
2.	Polis siasat hadiah mi segera perisa daging babi cincang
3.	Harga siling ayam: jangan beban penternak, pengguna
4.	Derma darah dapat mi segera perisa daging babi
5.	Subsidi bukan atas desakan
6.	Harga siling ayam baharu, jangan tekan mana-mana pihak
7.	Banjir kilat ancam lembu korban
8.	It's inflation crunch time
9.	MyCC studies chicken industry report
10.	MyCC nilai laporan siasatan kartel industri ayam

DISEDIAKAN OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29.06.2022	SINAR HARIAN	NASIONAL	22

Cadang ladang ayam dipindahkan

JELEBU- Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Rancangan (JKKR) Felda Titi mencadangkan supaya ladang ayam di kawasan itu dipindahkan ke lokasi lain yang lebih sesuai.

Ketua Pengeraja Felda Titi, Nasir Suradi berkata, ketika ini kedudukan ladang berkenaan jaraknya tidak jauh dengan kawasan kediaman penduduk di Blok 5 dan 6, peringkat tiga, Felda Titi, di sini.

"Kita cadangkan ladang ayam itu dipindahkan sahaja lokasinya ke tem-

pat lain seterusnya pengusahanya dapat menjalankan operasi dengan lebih baik.

"Sebab kalau berterusan begini, kita bimbang pula kes sama berulang (gangguan lalat) kemudian menimbulkan keresahan kepada penduduk," katanya kepada *Sinar Harian*.

Ujarnya, cadangan itu adalah langkah jangka panjang walaupun pihaknya difahamkan lesen operasi ladang ayam itu telah pun digantung sementara waktu.

"Sebaik aduan dikemukakan, jabatan bertanggungjawab mengambil tindakan

turun padang melihat sendiri situasi yang dihadapi penduduk yang terjejas.

"Pengusahanya juga telah diberikan amaran dan hanya akan dibenarkan beroperasi semula jika masalah gangguan lalat yang membelenggu penduduk telah diselesaikan.

"Sebelum ini juga mereka hanya dibenarkan membawa keluar ayam yang sudah boleh dijual namun tidak membenarkan anak ayam baharu dibawa masuk ke ladang," jelasnya.

Nasir bagaimanapun mengakui kes

itu boleh dikatakan selesai namun mengulangi cadangan supaya ladang ayam dipindahkan dengan mengambil kira kejadian sebelum ini.

Dalam pada itu, Nasir menegaskan pihaknya sentiasa memandang serius terhadap semua aduan penduduk di kawasan Felda berkenaan termasuk isu kesihatan dan kebajikan.

"Kita akan tedaya upaya membantu menyelesaikan aduan penduduk malah ia menjadi antara keutamaan JKKR dan pengurusan Felda," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29.06.2022	SINAR HARIAN	NEGERI	23

Polis siasat hadiah mi segera perisa daging babi cincang

BATU PAHAT- Polis telah membuka kertas siasatan berhubung pemberian cenderamata atau *goodies bag* mengandungi mi segera dipercayai berperisa daging babi cincang semasa program menderma darah.

Ketua Polis Daerah Batu Pahat, Asisten Komisioner Ismail Dollah berkata, kejadian itu berlaku melibatkan sebuah program derma darah anjuran badan bukan kerajaan (NGO) dan Hospital Sultanah Nora Ismail yang diadakan di sebuah pusat membeli belah di daerah ini pada Ahad.

Menurutnya, sebahagian daripada penerima beragama Islam mendapati di dalam beg berkenaan terdapat mi segera dipercayai berperisa daging babi cincang.



ISMAIL

"Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Batu Pahat telah menerima satu laporan yang dibuat oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pada kira-kira jam 11.38 pagi, Isnin.

"Laporan tersebut menyatakan sebahagian daripada penderma darah telah menerima *goodies bag* mengandungi mi segera dipercayai berperisa daging babi cincang.

"Susulan itu, polis telah menubuhkan satu pasukan untuk menjalankan siasatan lanjut berhubung kejadian," katanya menerusi kenyataan pada Isnin.

Menurut Ismail, beberapa individu yang terlibat telah dipanggil dan beberapa rampasan turut dibuat bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 298A/504 Kanun Keseksaan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29.06.2022	SINAR HARIAN	NEGERI	28

Harga siling ayam: Jangan beban penternak, pengguna

YAN - Penetapan harga siling baharu ayam dan subsidi yang bakal ditetapkan kerajaan diharap tidak memberi tekanan kepada semua pihak khususnya penternak dan pengguna.

Pengarah Urusan Bismi Empire Sdn Bhd (Ayam Bismi), Mazlina Kamarudin berkata, beberapa faktor juga



MAZLINA

perlu diambil kira sebelum ia diputuskan menerusi pembentangan Jawatankuasa Teknikal Menangani Isu Sekuriti Bekalan Makanan Negara dalam Mesyuarat Kabinet pada Rabu.

Menurutnya, penetapan harga siling ayam yang baharu diharap tidak membebaskan pengguna khususnya golongan B40 sekali gus turut mengambil kira situasi yang dihadapi penternak.

"Kita lebih suka kepada harga yang ditetapkan mengikut kemampuan rakyat, kalau harga ayam mahal orang akan mempunyai banyak pilihan lain," katanya.

Sebagai penternak, pihaknya turut mengambil kira dan memahami keadaan rakyat yang berdepan peningkatan kos sara hidup.

"Kita memahami situasi pengguna dalam keadaan tertekan dari segi perbelanjaan dan kos sara hidup tinggi, namun kerajaan juga perlu ambil kira kadar subsidi kepada penternak berdasarkan komitmen dari segi kos penternakan, harga dedak meningkat dan pelaksanaan gaji minimum yang perlu dipatuhi.

"Jadi, kita harap harga siling ayam tersebut perlu munasabah dan tidak menekan mana-mana pihak," tegasnya.

Sinar Harian sebelum ini melaporkan Jawatankuasa Teknikal Menangani Isu Sekuriti Bekalan Makanan Negara akan membentangkan cadangan penetapan harga siling ayam yang baharu serta kadar subsidi kepada penternak dalam Mesyuarat Kabinet pada Rabu.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, penetapan harga baharu itu akan diumumkan sebaik selesai mesyuarat tersebut.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29.06.2022	HARIAN METRO	LOKAL	12

POLIS BUKA KERTAS SIASATAN

Derma darah dapat mi segera perisa daging babi

Batu Pahat: Penganjur program derma darah memohon maaf kepada orang ramai yang menerima beg cenderahati berisi mi segera berperisa daging babi cincang ketika program derma darah di pusat beli-belah di sini, Ahad lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Pengelola program berkenaan, Lou Kok Meng berkata, perkara berkenaan tidak disengajakan dan pihaknya akan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap kejadian terbabit.

"Pihak penganjur mengambil maklum mengenai perkara itu dan sentiasa bersedia untuk memberi kerjasama dengan pihak berkuasa bagi membantu siasatan.

"Wakil daripada kami juga sudah ke bahagian Penguurusan Pentadbiran Hospital



PIHAK penganjur sudah memohon maaf kepada orang ramai.

Sultanah Nora Ismail (HS-NI) Batu Pahat untuk memberi penjelasan mengenai kejadian itu," katanya ketika dihubungi semalam.

Menurutnya, ketika ini pihaknya hanya mampu memohon maaf kepada orang ramai terutamanya kepada pengunjung yang datang

menderma darah dalam program berkenaan dan akan memperbaiki keadaan itu.

Sementara itu, polis membuka kertas siasatan terhadap kes berkaitan pemberian cenderahati yang mengandungi mi segera berperisa daging babi cincang ketika program derma darah itu.

Ketua Polis Daerah Batu Pahat Asisten Komisioner Ismail Dollah berkata, polis menerima laporan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengenai perkara berkenaan pada 11.38 pagi kelmarin.

"Laporan berkenaan mengenai sebahagian daripada penderma darah menerima bungkusan cenderahati mengandungi mi segera diperkaya berperisa daging babi cincang.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29.06.2022	KOSMO	NEGARA	5

Harga siling ayam baharu, jangan tekan mana-mana pihak



PENETAPAN harga siling ayam baharu dan kadar subsidi nanti diharapkan tidak menekan mana-mana pihak terutama golongan penternak dan pengguna. - GAMBAR HIASAN

Oleh NORLIDA AKMAR IDROS

YAN - Penternak ayam berharap penetapan harga siling ayam yang baharu dan kadar subsidi yang ditetapkan nanti akan memberi situasi menang-menang kepada semua pihak terutama penternak dan pengguna.

Pengarah Urusan Bismi Empire Sdn Bhd. (Ayam Bismi), Mazlina Kamarudin berkata, penetapan harga siling ayam tersebut perlu munasabah dan tidak menekan penternak mahupun pengguna.

"Kita sebagai penternak juga mahu harga ditetapkan nanti

berpatutan supaya pengguna masih mampu untuk membelinya, jika mahal sudah pasti ia membebankan.

"Namun, dalam masa sama, kerajaan juga perlu mengambil kira kepentingan penternak menerusi kadar subsidi yang sesuai," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Kata beliau, penetapan kadar subsidi perlu mengambil kira kos yang perlu ditanggung penternak termasuk isu kenaikan dedak dan gaji minimum pekerja.

"Kita bukan penternak yang memikirkan keuntungan semata-mata, namun pada masa sama

perlu memastikan pertiagaan dalam industri ini terus kekal bertahan," ujarnya.

Kelmarin, Kosmo melaporkan cadangan penetapan harga siling ayam yang baharu serta kadar subsidi kepada penternak akan dibawa ke Mesyuarat Kabinet pada hari ini sebelum ia diumumkan kelak.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Ronald Kiandee berkata, harga kawalan baharu itu mengambil kira kepentingan penternak, pemborong dan peruncit bagi memastikan harga yang ditetapkan adalah munasabah bagi semua pihak.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29.06.2022	KOSMO	NEGARA	4

Subsidi bukan atas desakan

LANGKAWI – Kerajaan meneruskan program subsidi ayam kerana prihatin dengan kesusahan yang dihadapi rakyat pada ketika ini dan bukan disebabkan desakan mana-mana pihak.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, susulan itu pengapungan harga ayam yang sepatutnya bermula pada 1 Julai ini dibatalkan.

"Sebenarnya kerajaan telah membuat keputusan, tidak perlu desakan daripada mana-mana pihak. Kerajaan kita di bawah kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri begitu prihatin dengan rakyat.

"Kita bukan buat pusingan U tetapi setelah kita mengkaji, Yang Amat Berhormat (Perdana Menteri) mendapati bahawa untuk kepentingan dan menjaga kebajikan, kita batalkan pengapungan tersebut," katanya pada sidang akhbar selepas Program Walkabout Kelapa di Pusat Pertanian Padang Matsirat di sini semalam.

Menurut beliau, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) telah membuat perjumpaan dengan penternak ayam bagi mengetahui masalah dihadapi mereka.

Beliau pada masa sama turut memberi keyakinan bahawa bekalan ayam dalam negara adalah stabil dan mencukupi sehingga perayaan Hari Raya Aidiladha nanti.

Sementara itu, dalam program sama beliau menyatakan, Pusat Pertanian Padang Matsirat, di sini menjadi perintis dalam penggunaan teknologi Internet of Things (IoT) sekaligus menjadikannya ladang kelapa contoh dalam negara.

Menurut beliau, sistem pengairan di kawasan seluas 5.4 hektar dengan 720 pokok kelapa pandan itu telah dinaik taraf oleh MAFI melalui Jabatan Pertanian menggunakan teknologi tersebut.

Jelasnya, sistem pengairan itu digunakan bagi tujuan pembajaan atau fertigasi dan teknologi IoT membolehkan aktiviti itu dilakukan melalui telefon bimbit dan memudahkan data mengenainya diakses.

"MAFI berharap Pusat Pertanian Padang Matsirat dapat menjadi mercu tanda kejayaan program pembangunan dan produk agro pelancongan yang dapat menarik minat masyarakat serta menjadi pusat rujukan kepada petani dan usahawan kelapa," ujarnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29.06.2022	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	32

Banjir kilat ancam lembu korban

MELAKA: Seorang penternak di Kampung Paya Rumpit Jaya, Sungai Udang di sini runsing dengan kejadian banjir kilat yang semakin kerap berlaku akan memudaratkan hampir 100 ekor lembu untuk ibadah korban.

Ketika ditemui *Utusan Malaysia*, Sharuddin Reduan, 42, berkata, bulan ini sahaja sudah tiga kali banjir kilat berlaku dan yang terburuk pada 23 Jun lalu apabila air naik sehingga paras pinggang.

Katanya, ketika kejadian pukul 1 pagi itu, dia bersama seorang lagi rakan tidak lena tidur dan bersengkang mata sehingga pukul 5 pagi bagi memantau keadaan hujan serta keselamatan ternakan.

"Kejadian berlaku sangat pantas dan air sungai naik lebih tinggi berbanding sebelum ini. Mujur semua lembu saya selamat, tetapi kelihatan tertekan kerana terpaksa berendam selama lima jam dalam air banjir.

"Ada beberapa ekor lembu mengalami cirit-birit akibat jangkitan bakteria bawaan air banjir, tetapi semakin pulih selepas diberi ubat. Saya harap lembu ini sihat supaya boleh



SHARUDDIN Reduan runsing memikirkan keselamatan dan kesihatan lembu-lembu korbannya selepas kawasan ternakan di Sungai Udang, Melaka itu sudah tiga kali ditenggelami banjir pada bulan ini. - **UTUSAN/MUHAMMAD SHAHIZAM TAZALI.**

dibuat korban.

"Jika sebaliknya, saya terpaksa menanggung kos yang tinggi untuk mendapatkan stok baharu kerana harga lembu yang semakin mahal," katanya ketika ditemui.

Dia kerugian lebih RM10,000

selepas dua buah lori, sofa, peti sejuk, kereta dan mesin rumput rosak akibat ditenggelami bah. Katanya, dia membeli 40 guni dedak untuk kegunaan seminggu, namun lebih separuh daripadanya rosak dan terpaksa dibuang.

It's inflation crunch time

Experts call for prudent spending to ease pressure

PETALING JAYA: The public best recalibrate their spending and consumption as Malaysia reported its highest food inflation in over a decade in May, with economists projecting a continuous increase in food bills.

In May, Malaysia recorded a 2.8% year-on-year (y-o-y) increase in the consumer price index (CPI), which measures inflation.

The rise was on the back of food inflation which rose to a new high of 5.2%, the highest since November 2011.

Sunway University Economics Professor Dr Yeah Kim Leng said while rising food and fuel inflation is a global phenomenon that has resulted in the US and European economies facing consumer inflation of above 7-9%, Malaysian consumers have not faced the full brunt yet due to government-controlled prices and subsidies for essential food and fuel items.

"Nevertheless, inflationary pressures in the domestic economy arising from high import costs, the weak ringgit, production cost increases and global shortages of selected goods are getting stronger," he said.

The CPI has edged up to 2.8% and will likely rise in the coming months, but the increase is not as sharp compared to countries where the governments do not control the

prices of essential items, he added. However, Yeah said such subsidies are very costly and unsustainable if food prices remain high.

On that note, he said the government has little choice but to shift to a more targeted subsidy system.

"The challenge is to find the right balance in the sharing of the rising cost burden between the government, consumers and producers."

"Consumers should expect some upward adjustment in prices so that the subsidy burden does not jeopardise the government's fiscal position, to the extent of triggering a fiscal crisis."

"Nonetheless, the price adjustments and subsidy removal should be done gradually so that they do not result in an inflation spiral nor cause production cutbacks and supply shortages due to prices being too low to be economically viable," he added.

On consumers' part, he said they could explore cheaper substitutes, cut back on discretionary spending or reduce consumption to face rising costs of affected items in the consumption basket.

The government, on the other hand, would need to ensure adequate production and supply through facilitative policies, including subsidies for producers and importers that are targeted and temporary, to overcome the short-



Stocking up: Consumers can look for cheaper substitutes or cut back on discretionary spending to ease rising food bills. — FAHMI GHAMU/The Star

age of affected food items.

"Feasible import substitution with local production such as maize and oil palm waste for animal feed could be incentivised as a complementary food security and agricultural growth strategy," he said.

Yeah said the looming global food crisis also presents an opportunity to accelerate private investment in modern food production and sustainable food agriculture, such as what has been successfully done in the rubber and palm oil industry.

Head of research at the Malaysian Institute of Economic Research (MIER), Dr. Shankaran Narayan, said more clarity is needed on government's moves such as raising the ceiling price of chicken and removing subsidies for breeders — the savings from which in turn would be channelled to the people who are in need.

"The overall message is that the government wants to embark on a policy move that will directly assist the economically weaker sections of society with their food bill, without disrupting the play of market forces," he said.

"A targeted approach is a good

idea, but food inflation is definitely going to go up. This will affect consumers both in the Bottom 40 (B40) and Middle 40 (M40) groups, probably bringing some in the lower quantiles of the M40 group into a lower income category," he added.

Shankaran said the discontinuation of the subsidy for bottled cooking oil will raise the cost of home-cooked meals as well as those bought from food outlets, adding that this may also negatively impact restaurants and street vendors.

"There is no doubt that subsidies are not a good thing, but this may not be the best time to dismantle them."

"Cash handouts will counteract the withdrawal of subsidies, but consumers who have been practising poor financial management may not allocate the compensating disbursement appropriately," he said.

To illustrate his point, Shankaran said the RM100 cash aid could be spent on essential food items instead of buying chicken.

He noted that households, especially those who spend a big portion of their money on food, will definitely see their budgets being stretched.

"The real income of households will further go down with the recent price increases," he said.

He added that other mechanisms the government could look into would be to replace subsidies and get existing agencies to implement their roles.

Bank Islam chief economist Dr Mohd Afzanizam Abdul Razak said he believes food prices will continue to rise as the country is also dependent on imports for domestic consumption.

"The impact inflation would contribute to the food inflation," he said.

Finance Minister Tengku Zafrul Aziz said the consumption subsidy expenditure of RM7.3 billion for the 2022 is the highest subsidy in Malaysia's history.

The projected consumption subsidies cover petrol, diesel, liquefied petroleum gas (LPG), cooking oil (RBM), flour and electricity to reduce the people's cost of living, and subsidy bill (RM2.7 billion), excluding welfare aid from 2018 to 2022.

MyCC studies chicken industry report

KUALA LUMPUR: The Malaysia Competition Commission (MyCC), through its task force, is evaluating the investigation report on allegations of a cartel in the chicken industry.

MyCC said if there was evidence of a cartel, a proposed decision under Section 36 of the Competition Act 2010 will be issued against the relevant parties.

It said in the event that there was no evidence to show elements of infringement, MyCC would close the investigation in line with Section 16 of the same Act. — Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29.06.2022	BERITA HARIAN	NASIONAL	16

MyCC nilai laporan siasatan kartel industri ayam

Anggota suruhanjaya bersidang, akan buat keputusan

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Anggota Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) yang bersidang semalam akan membuat keputusan berhubung siasatan yang dijalankan berkaitan dakwaan kewujudan kartel dalam industri ayam.

MyCC menerusi kenyataan memaklumkan, ketika ini pasukan khas yang ditubuhkan untuk menjalankan siasatan itu sedang meni-

lai laporan penyiasatan terbabit.

Mengulas lanjut, katanya, sekiranya terdapat bukti kewujudan kartel, keputusan cadangan mengikut Seksyen 36 Akta Persaingan 2010 akan dikeluarkan terhadap pihak berkenaan.

"Namun, sekiranya tiada bukti menunjukkan unsur pelanggaran, MyCC akan menutup penyiasatan selaras Seksyen 16 akta sama," katanya.

MyCC juga berkata, selepas keputusan cadangan itu dikeluarkan, pihak berkenaan akan diberi peluang bagi mengemukakan pembelaan mereka melalui representasi bertulis atau secara lisan kepada MyCC.

"MyCC kemudian akan mengeluarkan keputusan akhir untuk menentukan sama ada berlakunya pelanggaran atau tidak mengikut Akta Persaingan 2010.

"Sekiranya ada pelanggaran, MyCC akan mengenakan penalti kewangan sehingga 10 peratus daripada pusing ganti seluruh dunia dan/atau pengenaan arahan tertentu yang dianggap wajar oleh MyCC," katanya.

Terdahulu MyCC memaklumkan suruhanjaya diketuai Pengerusinya, Datuk Seri Mohd Hishamudin Md Yunus dan lapan anggotanya bersidang semalam, untuk pembentangan laporan penyiasatan oleh pasukan khas berkenaan.

Pasukan khas itu ditubuhkan awal Februari lalu untuk menyiasat dakwaan terdapatnya pelakuan antipersaingan merangkumi perjanjian antipersaingan atau penyalahgunaan kedudukan dominan dalam pasaran yang boleh meningkatkan harga barangan dalam pasaran industri ayam. BERNAMA